

Rossita Pengarah IPMB UMS baharu

UM 12.12.2014 27

KOTA BELUD 11 Dis. - Pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Madya Dr. Rossita Shapawi dilantik sebagai Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS yang baharu berkuat kuasa mulai 1 Disember lalu.

UMS dalam satu kenyataannya berkata, Rossita sebelum ini menyandang jawatan Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi) institut tersebut telah dipilih menggantikan Prof. Dr. Saleem Mustafa yang telah menjawat jawatan tersebut beberapa tahun sebelum ini.

Kenyataan itu berkata, Rossita yang berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang akuakultur telah menjalankan tugas di univer-



ROSSITA SHAPAWI

siti tersebut sejak 2001 dan pemilihan beliau menyandang jawatan baharu itu adalah tepat berdasarkan pengalaman serta kemahiran yang dimiliki.

"Pemilihan Rossita untuk menjawat jawatan tersebut telah mendapat persetujuan pihak pengurusan UMS dan pelantikan beliau telah berkuat kuasa

pada 1 Disember lalu," kata kenyataan itu, di sini hari ini.

Tambah kenyataan itu, jawatan Timbalan Pengarah yang ditinggalkan oleh Rossita telah diisi oleh Prof. Madya Dr. Sitti Raehanah Mohd. Shaleh.

Kenyataan UMS itu berkata,

pelantikan baharu bagi beberapa jawatan dalam bahagian pengurusan universiti tersebut berlaku, termasuk pegawai-pegawai yang sebelum ini sekadar memangku jawatan Pengarah.

Jelas kenyataan itu, antara pegawai yang sebelum ini memangku jawatan Pengarah telah dilantik ke jawatan tersebut bagi tempoh dua tahun.

"Turut dilantik ialah Darwis Awang sebagai Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar yang baharu serta Dr. Mohd. Azri Ibrahim sebagai Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa.

"Selain itu, pelanjutan tempoh pelantikan Prof. Madya Dr. Shuhaimi Md. Yasir sebagai Ketua Unit Penyelidikan Rumpai Laut selama dua tahun. Kesemua pelantikan baharu tersebut berkuat kuasa bermula Disember ini," kata kenyataan itu.